



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**19 Disember 2024
17 Jumadilakhir 1446H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Petugas khas kesan nelayan traditional operasi tanpa lesen
Kosmo !	•
Sinar Harian [Online]	• Maritim cekup empat nelayan warga asing • Warga asing larikan diri rungkai penemuan ratusan bubu naga
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Bot nelayan langgar syarat lesen, guna kru warga asing ditahan
Pahang Media [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		13	19.12.2024

Petugas khas kesan nelayan tradisional operasi tanpa lesen

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri mewujudkan petugas khas bagi mengesan nelayan tradisional yang masih beroperasi tanpa lesen sampan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan dan Jabatan Perikanan mengenal pasti nelayan yang masih menggunakan sampan menangkap hasil laut untuk dilesenkan.

Katanya, petugas khas itu diwujudkan bagi mengesan nelayan tercicir memperoleh lesen sam-

pan ketika dilaksanakan pada 2019.

"Setakat ini, seramai 600 nelayan tradisional di seluruh negeri sudah mempunyai lesen sampan tetapi masih ada yang beroperasi tanpa lesen.

"Petunjuk prestasi utama (KPI) kita pada tahun depan memastikan semua nelayan mempunyai lesen sampan," katanya.

Terdahulu, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jabi menyantuni 10 daripada 27 nelayan termasuk nelayan sampan yang mengalami kerugian.

Maritim cekup empat nelayan warga asing



KUALA SELANGOR - Empat nelayan warga asing ditahan Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor, di kedudukan 6.2 batu nautika barat daya Tanjung Karang di sini, pada Rabu.

Semua mereka itu ditahan kira-kira jam 12.45 pagi oleh kapal peronda Maritim Malaysia ketika dalam rondaan 'Op Ehsan' dan 'Op Tiris 3.0' semasa sedang leka melakukan aktiviti perikanan di kawasan itu.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, hasil pemeriksaan mendapati vesel nelayan tempatan B1 itu dikendalikan seorang tekong bersama tiga kru warga Myanmar dalam lingkungan usia 29 hingga 43 tahun.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati, vesel terbabit menggunakan nelayan asing tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia selain kesemua kru gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri sah.

"Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan kru warga asing tanpa kebenaran serta Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal di Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri yang sah," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.


Maritim cekup empat nelayan warga asing

Sehubungan itu, beliau memberitahu, kesemua nelayan itu ditahan, manakala vesel dan hasil tangkapan berserta peralatan menangkap ikan dirampas sebelum dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk tindakan lanjut.

Tegas beliau, Maritim Malaysia akan meneruskan pemantauan dan rondaan di sempadan perairan negara serta memandang serius terhadap kesalahan yang melibatkan aktiviti menangkap ikan di luar zon ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Orang ramai boleh membuat sebarang aduan dan maklumat mengenai kegiatan jenayah maritim serta insiden kecemasan di laut dengan menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor melalui talian 03-31760627 atau 999 untuk maklum balas segera.

- 514 online -



Warga asing larikan diri rungkai penemuan ratusan bubu naga



KUALA SELANGOR - Seorang lelaki nekad melarikan diri dengan terjun ke dalam sungai setelah menyedari kehadiran pihak berkuasa ketika serbuan di jeti Bagan Sungai Yu, Pasir Penambang pada Selasa.

Bagaimanapun tindakan itu berjaya merungkai penemuan 320 unit bubu naga yang disorok di stor jeti berkenaan menerusi operasi dijalankan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor kira-kira jam 10 pagi.

Pengarah DOF Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, operasi berkenaan dijalankan susulan aduan dan maklumat nelayan yang diterima berkaitan kegiatan menangkap ikan menggunakan bubu naga sekitar perairan Kuala Selangor.

Beliau berkata, susulan itu anggota DOF kemudiannya digerakkan ke jeti dipercayai menjadi lokasi penyimpanan bubu naga.

"Operasi dijalankan sebelum itu mendapati terdapat seorang individu dipercayai warga asing bertindak melarikan diri setelah menyedari kehadiran anggota DOF di lokasi.

Warga asing larikan diri rungkai penemuan ratusan bubu naga

"Pemeriksaan susulan kemudiannya menemukan 32 bakul mengandungi bubu naga didapati ditutup dengan kanvas hitam serta disembunyikan dalam stor di jeti terbabit," katanya menerusi kenyataan pada Rabu. Katanya, anggaran kesemua bubu naga yang dirampas bernilai kira-kira RM16,000.

"Semakan mendapati keseluruhan 32 bakul berkenaan mengandungi kira-kira 10 unit bubu naga menjadikan jumlah yang dirampas berjumlah 320 unit.

"Kesemua bubu naga itu dilihat masih basah dan dipercayai telah dicuci, bubu naga ini dipercayai digunakan untuk menangkap ikan sekitar perairan di sini," katanya.

Menurutnya, keseluruhan rampasan kemudiannya dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan lanjut.

"Tindakan ini dijalankan di bawah Peraturan-peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) (Pindaan) 2024.

"Setakat ini tiada lagi pemilik bubu naga ini yang hadir mengakui pemilikan bubu naga semasa sitaan dibuat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abdul Rahman berkata pihaknya menzahirkan penghargaan terhadap usaha dijalankan pihak berkuasa khususnya DOF dalam usaha membanteras kegiatan bubu naga ini.

"Kegiatan bubu naga ini sememangnya banyak menyusahkan nelayan terutamanya nelayan pukat hanyut kerana ia berpotensi merosakkan jaring pukat kami.

"Selain itu kegiatan ini juga mengakibatkan ekosistem perikanan terganggu dan masa sama menjejaskan hasil tangkapan para nelayan," katanya.

Jelasnya, usaha ini seharusnya dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kegiatan bubu naga ini dibanteras sepenuhnya.

Warga asing larikan diri rungkai penemuan ratusan bubu naga

"Penggunaan bubu naga sememangnya telah lama diharamkan kerajaan dan saya harap penguatkuasaan dijalankan secara konsisten bagi memastikan ia ditangani.

"Saya mewakili warga nelayan mengucapkan terima kasih atas usaha dan kerja keras DOF ini dalam menjalankan pelbagai siri operasi bagi membanteras kegiatan ini," katanya.

-SH Online-

Bot nelayan langgar syarat lesen, guna kru warga asing ditahan



KUALA LUMPUR – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas B1 bersama empat kru warga asing di kedudukan 6.2 batu nautika barat daya Tanjung Karang, awal pagi tadi.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, bot berkenaan dikesan melakukan aktiviti perikanan semasa rondaan operasi Op Ehsan dan Op Tiris 3.0 sekitar jam 12.45 pagi, tadi.

"Siasatan lanjut mendapati mereka melanggar syarat lesen kerana menggunakan kru asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Selain itu, kesemua kru yang berusia 29 hingga 43 tahun itu juga telah gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Menurutnya, siasatan akan dijalankan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Bot nelayan langgar syarat lesen, guna kru warga asing ditahan

Abdul Muhaimin berkata, kesemua hasil rampasan termasuk bot, tangkapan dan peralatan memancing telah dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk siasatan lanjut. – MalaysiaGazette